



Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan

Pendahuluan	7-2
Prestasi, 2021-2022	7-3
Pencapaian Sasaran Terpilih	7-3
Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan	7-6
Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur	7-6
Bidang Keutamaan B: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara	7-7
Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	7-8
Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti	7-9
Bidang Keutamaan E: Memanfaatkan Sukan bagi Membina Masyarakat yang Aktif	7-10
Isu dan Cabaran	7-12
Insiden yang Mencetus Ketidakharmonian Masih Terus Berlaku	7-12
Ancaman terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam yang Sentiasa Berubah	7-12
Jurang Penjagaan Kesihatan yang Melebar	7-12
Rumah Mampu Milik dan Berkualiti Belum Mencukupi	7-12
Potensi Sukan Belum Diteroka Sepenuhnya	7-12
Hala Tuju, 2023-2025	7-13
Sasaran Terpilih, 2021-2025	7-14
Bidang Fokus A: Memperkukuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara	7-15
Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara	7-16
Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	7-17
Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti	7-18
Bidang Fokus E: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif	7-21
Kesimpulan	7-23

Pendahuluan

Usaha meningkatkan perpaduan, pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan adalah amat penting ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkukuh perpaduan negara, mengekalkan kestabilan negara melalui pertahanan dan keselamatan yang lebih kukuh, menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik dan menggalakkan kehidupan aktif. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan, beberapa isu berkaitan perpaduan, keselamatan dan ketenteraman awam, penjagaan kesihatan, perumahan mampu milik dan potensi sukan telah memperlambatkan kemajuan dalam meningkatkan kesejahteraan.

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan terus dipergiat bagi memperkukuh perpaduan, memastikan keselamatan dan kedaulatan negara, mempertingkatkan penjagaan kesihatan, menambah perumahan mampu milik dan memanfaatkan sukan untuk pembangunan sosioekonomi. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang ke arah pembangunan Malaysia yang mampan dan sejahtera, dengan seluruh negara mendokong inklusiviti dan kesaksamaan, yang akhirnya akan meningkatkan darjat hidup rakyat. Usaha ini selaras dengan aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' dan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (Agenda 2030).


Prestasi, 2021-2022

Sebanyak 12 sasaran telah ditetapkan untuk meningkatkan perpaduan, pertahanan negara, keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Tiga daripada 12 sasaran telah dicapai, tujuh mengikut jadual, manakala dua lagi masih ketinggalan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-1*.


Paparan 7-1

Pencapaian Sasaran Terpilih

Memperkukuh Perpaduan Negara




Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara



Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan




Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti



Bilangan Rumah Mampu Milik Dibina

Memfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif



Indeks Budaya Sukan Malaysia

Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



Bidang Keutamaan A: Memperkukuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur

Strategi A1: Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

Menggalakkan Interaksi Sosial

- 1,134 program berkaitan perpaduan dilaksana
- 31,865 peserta terlibat dalam 13,645 program di bawah Pelan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga

Memanfaatkan Platform Pendidikan

- 761 pelajar mengikuti kursus bahasa etnik di institusi pendidikan tinggi (IPT)
- 960 Tabika Perpaduan menerima pakai sukatan pelajaran bagi Pengajaran Komunikasi Pelbagai Bahasa

Strategi A2: Membina Masyarakat yang Lebih Toleran

Memperkukuh Patriotisme dan Kesukarelawanan

- 68.4% Rukun Tetangga melantik belia sebagai ahli jawatankuasa
- 388 program berkaitan perayaan keagamaan dan kebudayaan dianjurkan oleh pejabat perwakilan diplomatik Malaysia

Strategi A3: Memperkukuh Tadbir Urus

Menggubal Dasar mengenai Perpaduan

- Dasar Perpaduan Negara dilancarkan pada tahun 2021

Memperkukuh Kerjasama antara Pihak Berkepentingan

- 2,792 pasukan Bomba Komuniti ditubuhkan di seluruh negara sehingga penghujung tahun 2022
- 460 perantara komuniti dilantik



Bidang Keutamaan B: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Strategi B1: Memelihara Kedaulatan Negara

Mengurus Ancaman daripada Pemandang Asing Tanpa Izin dan Kegiatan di Sempadan

- 26,477 individu ditahan
- Aset bernilai RM1.09 bilion dirampas
- 4,314 pemandang asing tanpa izin ditahan dalam operasi bersama
- Enam pos keselamatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) baharu di sempadan antarabangsa Sabah dan Sarawak dibina

Mempertingkatkan Keupayaan dan Kemampuan Pertahanan

- 20 kolaborasi diplomasi pertahanan diadakan sehingga penghujung tahun 2022
- Empat *Littoral Mission Ship*, tiga helikopter operasi maritim dan enam *Fast Interceptor Craft* beroperasi

Strategi B2: Mempertingkatkan Usaha Pencegahan Jenayah, Rehabilitasi dan Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan serta Meningkatkan Kebajikan Anggota

Menambah Baik Langkah Mencegah Jenayah

- 3,066 program sokongan diadakan
- 2,393 kenyataan media diterbitkan

Membanteras Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah

- 12,134 ahli Skwad Antidadah dari 108 daerah menyertai Program Skwad Antidadah
- 2,213 wakil syarikat berdaftar di bawah Program Tempat Kerja Bebas Dadah
- 90 operasi membanteras penyalahgunaan dan pendedaran dadah dilaksana

Membendung Pemerdagangan Orang

- Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dikuat kuasa pada tahun 2022

Menambah Baik Pengurusan dan Operasi Penjara

- 20,043 banduan menjalani Program Pemulihan Komuniti
- 1,750 banduan ditawarkan pekerjaan sebaik sahaja dibebaskan

Menambah Baik Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan

- 728,635 sukarelawan pertahanan awam direkrut

Meningkatkan Kebajikan Anggota ATM dan Penguat Kuasa

- 1,081 unit Rumah Keluarga ATM dan satu poliklinik dibina

Strategi B3: Memperkukuh Tadbir Urus Keselamatan

Mempertingkatkan Peranan dan Fungsi Majlis Keselamatan Negara (MKN)	<ul style="list-style-type: none"> MKN diperkasa sebagai agensi peneraju dalam pengurusan keselamatan di setiap peringkat kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara, 2021-2025
Menambah Baik Undang-undang mengenai Keselamatan dan Ketenteraman Awam	<ul style="list-style-type: none"> Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022 [Akta A1660] dikuat kuasa pada tahun 2022
Menambah Baik Penyelarasan dan Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> Pasukan Nukleus Agensi Tunggal Sempadan (SBA) ditubuhkan pada tahun 2021
Mempertingkatkan Perkongsian Data dan Integrasi Sistem	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah versi 2 (SMPPv2) beroperasi pada tahun 2022



Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi C1: Memperkemas Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Memperkenalkan Dasar Penjagaan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> 57 dasar dan garis panduan berkaitan perkhidmatan kesihatan diperkenalkan
Memerangi Penyakit Berjangkit	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dilancarkan pada tahun 2021 Vaksinasi untuk mencegah COVID-19 untuk penduduk <ul style="list-style-type: none"> 86.1% untuk Dos 1 84.3% untuk Dos 2
Memerangi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)	<ul style="list-style-type: none"> 12 negeri melaksanakan ujian <i>Human Papillomavirus</i> manakala baki dua negeri lagi akan bermula pada tahun 2023 Cukai ke atas Minuman Bergula dikenakan pada tahun 2021 90.7% peserta Program Komuniti Sihat Pembina Negara menjalani pemeriksaan kesihatan pada tahun 2022
Memperkukuh Program Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> 236 Klinik Desa menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas pada tahun 2022
Meningkatkan Kesiapsiagaan dalam Menangani Krisis Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Lebih daripada 85% bekalan ubat untuk rawatan COVID-19 dihantar dalam tempoh 30 hari Prosedur operasi standard (SOP) dan pelan kesiapsiagaan dalam menangani pelbagai ancaman kesihatan di lapangan terbang antarabangsa dikuat kuasa sejak tahun 2021

<p>Memastikan Kualiti dan Kebolehcapaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 14 perkhidmatan kepakaran penjagaan kesihatan pergigian di hospital dan klinik pakar pergigian beroperasi pada penghujung tahun 2022 ● 216 pegawai perubatan dan pergigian kontrak menjalani Program Latihan Kepakaran pada tahun 2022 ● 21% masyarakat Orang Asli dan Penan menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut pada tahun 2022 ● Dua bas bagi pemeriksaan x-ray mudah alih untuk tuberkulosis disediakan, setiap satu di Sabah dan Sarawak pada tahun 2022
<p>Strategi C2: Memperkukuh Kesedaran Awam</p>	
<p>Meningkatkan Literasi dan Kesedaran Kesihatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 69,009 peserta mendaftar dalam program <i>Wellness Hub</i> pada tahun 2022 ● 4,382 sukarelawan dilatih sebagai ejen kesihatan pada tahun 2022
<p>Strategi C3: Memanfaatkan Teknologi</p>	
<p>Mendigitalkan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 541 produk makanan dan minuman disenaraikan dalam portal Logo Pilihan Lebih Sihat ● <i>Health Information Exchange</i> untuk projek rintis Rekod Perubatan Elektronik mula beroperasi di 11 fasiliti penjagaan kesihatan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 2022
<p>Meningkatkan Kapasiti Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Program <i>External Quality Assurance (EQA) Malaria Microscopy</i> dan <i>EQA Mycobacteriology</i> dilaksanakan ● 46 kolaborasi penyelidikan antara syarikat dan universiti tempatan dijalin pada tahun 2022



Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti

<p>Strategi D1: Menambah Baik Akses kepada Perumahan Mampu Milik</p>	
<p>Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan Perumahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 22,196 isi rumah miskin dan berpendapatan rendah menerima manfaat daripada program perumahan Sewa untuk Beli (RTO) ● 16,808 isi rumah menerima manfaat daripada Skim Jaminan Kredit Perumahan dengan nilai pinjaman sebanyak RM2.32 bilion ● 158,928 unit rumah dengan nilai keseluruhan sebanyak RM101.37 bilion dijual di bawah Kempen Pemilikan Rumah
<p>Mengurus Kos Pembinaan Rumah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Empat konsep reka bentuk standard Sistem Binaan Berindustri (IBS) meliputi 43 jenis reka bentuk rumah mampu milik dibangunkan ● Lapan Program Perumahan Rakyat melibatkan 2,807 unit rumah yang menggunakan IBS disiapkan

Strategi D2: Mempertingkatkan Tadbir Urus

Memperkukuh Kemampuan Institusi dalam Pembinaan Rumah Mampu Milik

- Rangka kerja analitis data raya (BDA) berkaitan perumahan disiapkan pada tahun 2022
- Sistem Pengurusan Bersepadu Perumahan disiapkan pada tahun 2022

Strategi D3: Memastikan Perumahan yang Inklusif

Menerima Pakai Amalan Terbaik dalam Meningkatkan Daya Huni

- 65 projek di bawah Program Penyenggaraan Perumahan untuk perumahan awam kos rendah dan sederhana disiapkan
- 94 projek di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia untuk perumahan swasta kos rendah dan sederhana disiapkan



Bidang Keutamaan E: Memanfaatkan Sukan bagi Membina Masyarakat yang Aktif

Strategi E1: Menggalakkan Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

Mempertingkatkan Akses kepada Kemudahan Sukan

- 15 kemudahan sukan baharu dibina
- 282 kemudahan sukan dinaik taraf

Memperkukuh Badan Sukan Berasaskan Komuniti

- 9,434,914 orang menyertai 9,413 program pembudayaan sukan pada peringkat akar umbi yang dianjurkan oleh badan sukan berasaskan komuniti

Menggalakkan Penyertaan yang Inklusif dalam Sukan

- 7,352,594 orang menyertai Hari Sukan Negara
- 405,770 wanita, orang kurang upaya, warga emas dan Orang Asli menyertai program sukan yang dianjurkan masing-masing untuk kumpulan ini

Strategi E2: Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Memperkukuh Tadbir Urus Sukan Berprestasi Tinggi

- Visi Sukan Negara 2030 dilancarkan pada tahun 2021

Mempertingkatkan Prestasi Atlet

- Pencapaian atlet negara dalam kejohanan utama
 - Satu pingat perak dan satu pingat gangsa dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020
 - Tiga pingat emas dan dua pingat perak dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020
 - Tujuh pingat emas, lapan pingat perak dan lapan pingat gangsa dalam Sukan Komanwel Birmingham 2022
- 55 atlet Malaysia mencapai kedudukan enam teratas dunia dalam pelbagai sukan pada penghujung tahun 2022

**Menambah Baik Perkhidmatan Sokongan
untuk Sukan**

- 22 penyelidikan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan sains dan perubatan sukan dimulakan pada tahun 2021

Strategi E3: Membangunkan Industri Sukan

Menambah Baik Ekosistem Industri Sukan

- RM13.7 juta pelaburan direalisasikan dalam Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022 melibatkan 131 pempamer dan 20,000 pengunjung
- RM16.6 juta daripada RM20 juta peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Industri Sukan diluluskan kepada 410 perusahaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19
- RM230 juta pelaburan bagi produk dan peralatan sukan melibatkan 70 projek diluluskan dan 4,600 pekerjaan diwujudkan

Mempromosikan Pelancongan Sukan

- RM5.35 juta dibelanjakan oleh 11,800 penonton semasa *Le Tour De Langkawi 2022*



Isu dan Cabaran

Pelbagai langkah yang diambil dalam tempoh 2021-2022 telah menyumbang ke arah memperkukuh perpaduan, dan mengekalkan kestabilan negara, menambah baik penjagaan kesihatan, mempertingkat penyediaan perumahan mampu milik serta menggalakkan kehidupan aktif. Namun begitu, terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mampan dan sejahtera. Antara isu tersebut ialah insiden yang mencetus ketidakharmonian masih terus berlaku, ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam yang sentiasa berubah, jurang penjagaan kesihatan yang melebar, rumah mampu milik dan berkualiti yang belum mencukupi dan potensi sukan belum diteroka sepenuhnya. Kegagalan menangani isu ini boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

Insiden yang Mencetus Ketidakharmonian Masih Terus Berlaku

- Kurang interaksi sosial merentas etnik
- Kurang pemahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
- Kurang penghayatan mengenai semangat perpaduan
- Kurang kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan pelbagai etnik

Jurang Penjagaan Kesihatan yang Melebar

- Kesan pembalikan pandemik COVID-19 yang menjejaskan status kesihatan rakyat
- Peningkatan insiden penyakit beban berganda
- Sistem maklumat kesihatan yang tidak bersepadu
- Kurang kesedaran, pengetahuan dan pemahaman tentang maklumat kesihatan asas
- Kos yang tinggi dan kemudahan perkhidmatan penjagaan yang terhad untuk warga emas
- Pembiayaan penjagaan kesihatan yang tidak mampan
- Kekangan sumber untuk membiayai pembangunan infrastruktur penjagaan kesihatan baharu

Potensi Sukan Belum Diteroka Sepenuhnya

- Pengamalan gaya hidup sihat dan aktif yang masih rendah
- Akses yang terhad kepada kemudahan sukan dan rekreasi
- Kurang budaya penyelenggaraan kemudahan sukan
- Kebergantungan yang tinggi kepada pembiayaan Kerajaan dalam kalangan persatuan sukan kebangsaan (PSK)
- Kekurangan bakat baharu dalam sukan
- Data industri sukan yang tidak terselaraskan dan bersepadu



Ancaman terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam yang Sentiasa Berubah

- Peningkatan risiko berlaku jenayah rentas sempadan
- Kurang penguatkuasaan di kawasan sempadan
- Peningkatan ancaman ke atas kedaulatan negara
- Peningkatan kerugian disebabkan jenayah siber
- Kurang penyelarasan dalam pengurusan bencana

Rumah Mampu Milik dan Berkualiti Belum Mencukupi

- Rumah mampu milik yang tidak mencukupi
- Data perumahan yang tidak bersepadu
- Rumah mampu milik yang berkualiti rendah
- Kurang budaya penyelenggaraan
- Harga rumah yang meningkat
- Perumahan inklusif yang tidak mencukupi

Hala Tuju, 2023-2025

Kajian Separuh Penggal RMKe-12 akan terus memberi tumpuan kepada usaha mengekalkan perpaduan dan kedaulatan negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat bagi membentuk masyarakat yang saksama. Usaha ini akan dilaksana dengan memperkukuh perpaduan, memastikan keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara, menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, menambah bekalan rumah mampu milik dan berkualiti serta memanfaatkan sukan untuk membina masyarakat yang aktif. Strategi ini akan menggalakkan keharmonian sosial yang lebih baik serta kehidupan yang lebih selamat, kondusif dan sihat untuk rakyat.



Bidang Fokus A: Memperkukuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara

Strategi A1:

Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

Strategi A2:

Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

Strategi A3:

Memperkukuh Tadbir Urus



Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Strategi B1:

Memelihara Kedaulatan Negara

Strategi B2:

Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

Strategi B3:

Memperkukuh Pengurusan Bencana



Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi C1:

Merancang Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi C2:

Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan



Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Strategi D1:

Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Strategi D2:

Meningkatkan Tadbir Urus

Strategi D3:

Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif



Bidang Fokus E: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif

Strategi E1:

Mengaktifkan Semula Aktiviti Sukan untuk
Kehidupan Aktif dan Sihat

Strategi E2:


Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Strategi E3:

Membangunkan Industri Sukan

Sasaran Terpilih, 2021-2025

Mengekalkan Perpaduan, Pertahanan dan Keselamatan



Meningkatkan Kesejahteraan



Nota: ^a Kematian berlebihan ditakrifkan sebagai perbezaan jumlah kematian dalam krisis berbanding dengan yang dijangkakan dalam keadaan normal.

Bidang Fokus A: Memperkuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara

Penghayatan terhadap nilai perpaduan sebagai aset utama negara adalah penting untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Dalam hubungan ini, langkah akan terus diambil untuk menerima kepelbagaian, memupuk budaya masyarakat MADANI dan memperkuh tadbir urus bagi menggalakkan perpaduan yang utuh. Langkah ini akan menyumbang ke arah membina jambatan kepercayaan untuk membentuk perpaduan merentas masyarakat pelbagai budaya, etnik dan agama, yang mendukung kemampan dengan keprihatinan dan belas ihsan yang diperkuh dengan nilai hormat.

Strategi A1 Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

Strategi A2 Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

Strategi A3 Memperkuh Tadbir Urus

Strategi A1: Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

Menggalakkan Interaksi Sosial

Program bagi menggalakkan dan menyokong perpaduan akan dipergiat untuk terus memperkuh kesepaduan sosial. Lebih banyak program interaksi sosial dan libat urus akan dianjurkan, terutama pada peringkat komuniti. Perkhidmatan mediator komuniti akan terus digalakkan di seluruh negara untuk menguruskan konflik pada peringkat komuniti. Papan pemuka analitik akan dibangunkan untuk memantau situasi perpaduan pada peringkat komuniti. Maklumat ini adalah penting bagi menambah baik perancangan dan pelaksanaan program khusus berdasarkan keperluan.

Usaha mendokumentasikan sejarah negara dengan tumpuan untuk menggalakkan perpaduan sebagai rujukan generasi masa kini dan akan datang akan dipergiat. Di samping itu, penerbitan filem, dokumentari, video pendek dan kandungan media sosial akan diperbanyak. Kaedah komunikasi untuk menyampaikan elemen perpaduan melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah akan dipelbagaikan, termasuk dengan memanfaatkan teknologi digital.

Strategi A2: Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

Membangunkan Masyarakat Progresif

Pembangunan masyarakat progresif merupakan satu daripada komponen penting inisiatif Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, amalan prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni yang utuh dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk membangunkan insan MADANI dan masyarakat yang progresif. Pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, IPT, sekolah, pihak swasta serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) akan digalakkan untuk bergerak lebih aktif dalam memupuk prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni. Kempen dan program kesedaran mengenai prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni melalui pelbagai platform, termasuk media sosial akan dilaksanakan. Selain itu, Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi.

Membentuk Jati Diri Berteraskan Rukun Negara

Usaha untuk membentuk jati diri berteraskan Rukun Negara serta meningkatkan perpaduan dan semangat kenegaraan akan dipergiat bagi memupuk budaya masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, pelbagai program di bawah *flagship* Kembara Perpaduan akan terus dilaksanakan. Di samping itu, elemen advokasi dan semangat perpaduan akan diterapkan dalam pelbagai program Kerajaan untuk memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai Rukun Negara. Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara serta program Sekolah Rukun Negara akan terus dimanfaatkan untuk meningkatkan tahap penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar dan belia.

Strategi A3: Memperkukuh Tadbir Urus

Memperkukuh Kerjasama Pihak Berkepentingan

Pelan Tindakan Perpaduan Negara akan dijarar dengan nilai teras Malaysia MADANI untuk membangunkan masyarakat yang inklusif, cekap dan maju. Tadbir urus berkaitan perpaduan akan ditambah baik untuk memperkukuh perpaduan negara. Dalam hubungan ini, Majlis Penasihat Perpaduan Negara akan diaktifkan semula dan diperkukuh untuk menangani isu perpaduan, memantau pelaksanaan dasar dan mencadangkan langkah penyelesaian yang berkesan. Kerjasama berasaskan pendekatan keseluruhan negara dalam kalangan kerajaan, sektor swasta, CSO dan pertubuhan berasaskan komuniti akan dipergiat bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara.

Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara adalah penting dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Bagi tujuan ini, pelbagai langkah akan dilaksana dengan memelihara kedaulatan negara, mempergiat usaha pencegahan jenayah dan pemulihan serta memperkukuh pengurusan bencana. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang kepada keamanan dan kestabilan negara yang berkekalan.

Strategi B1

Memelihara Kedaulatan Negara

Strategi B2

Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

Strategi B3

Memperkukuh Pengurusan Bencana



Strategi B1: Memelihara Kedaulatan Negara

Mempertingkatkan Keselamatan Sempadan Negara

Langkah meningkatkan keselamatan sempadan negara yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara akan terus diberi tumpuan melalui perolehan aset ketenteraan strategik seperti kenderaan perisai, *Littoral Mission Ship*, helikopter dan pesawat tempur ringan. Selain itu, kemampuan pengawasan sempadan akan diperkukuh melalui penaiktarafan pusat kawalan operasi maritim dan pembinaan pangkalan operasi baharu untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Sistem Pengawasan Maritim Laut Malaysia dan menara radar penderiaan jauh akan dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan dalam mengenal pasti potensi ancaman. Di samping itu, sistem kawalan sempadan negara dengan teknologi kecerdasan buatan akan diterima guna untuk meningkatkan keberkesanan kawalan sempadan.

Kem tentera baharu akan dibina untuk memperkukuh keselamatan di sempadan. Pembangunan pangkalan tentera laut di Bintulu, Sarawak akan menyokong operasi bersama pada peringkat domestik dan serantau.

Penguatkuasaan dan kawalan sempadan akan diperketat dengan menambah bilangan pos keselamatan ATM di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia. Peranan Pasukan Gerakan Am di pos sempadan juga akan diperluas merangkumi tugas menerima laporan daripada komuniti setempat terutama mengenai jenayah rentas sempadan, termasuk pencerobohan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan barangan terlarang. Di samping itu, penaiktarafan dan pembinaan kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan yang baharu di pintu masuk terpilih di sempadan Sabah, Sarawak dan utara Semenanjung Malaysia akan memastikan penguatkuasaan yang berkesan. Jeti dan menara tinjau baharu untuk pengawasan sempadan akan dibina di Perlis. Pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan ditubuhkan di sempadan melalui kerjasama dalam kalangan agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Selain itu, kemampuan hidrografi dalam pemetaan kawasan maritim akan dipertingkatkan bagi keselamatan sempadan. Usaha ini akan menyumbang kepada pengukuhan kesiapsiagaan dan keupayaan pengurusan ancaman keselamatan yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pengukuhan keselamatan negara.

Strategi B2: Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

Memerangi Jenayah Siber

Undang-undang sedia ada akan dipinda untuk meningkatkan keberkesanan dalam memerangi aktiviti jenayah siber. Usaha untuk mengurangkan bilangan orang awam daripada menjadi mangsa jenayah siber akan dipertingkatkan melalui pelbagai kerjasama antara sektor awam dan swasta. Program kesedaran jenayah siber melalui platform media sosial juga akan dipergiat.

Mempertingkatkan Program Pemulihan

Prison Incorporated, sebuah entiti khusus akan ditubuhkan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pengukuhan keselamatan negara untuk menguruskan produk *My Pride* yang diusahakan oleh banduan. Entiti ini akan menyediakan panduan dan latihan kepada banduan dalam penghasilan makanan, fabrik, produk tenun, kraftangan dan perabot. Selain itu, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] akan disemak semula bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan pemulihan untuk penagih. Semakan ini akan membolehkan penagih dadah menjalani rawatan berbanding ditahan dan menerima hukuman.

Strategi B3: Memperkuh Pengurusan Bencana

Menambah Baik Pengurusan Bencana

Dasar pengurusan bencana di bawah kawal selia Agensi Pengurusan Bencana Negara akan disemak semula untuk memperkuh kesiapsiagaan dan keupayaan dalam mengurus bencana. Dasar yang disemak semula ini akan mempertingkatkan peranan agensi berkaitan dalam pengurusan bencana secara menyeluruh, pada semua peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas bencana. Pengurusan ini merangkumi aspek tadbir urus, penguatkuasaan, kesiapsiagaan, pengurangan risiko bencana, tindak balas, pemulihan dan pembangunan semula. Semakan semula dasar ini juga akan memperkuh penyelarasan pengurusan bencana dalam kalangan agensi berkaitan pada peringkat Persekutuan dan negeri.

Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Anjakan Besar Pengukuhan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan akan dilaksanakan bagi mentransformasi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Tumpuan akan diberi untuk merancang semula perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak pilihan pembiayaan kesihatan untuk menambah baik penyampaian dan kualiti perkhidmatan. Strategi ini akan dilaksanakan melalui penambahbaikan sistem penjagaan kesihatan, pengukuhan program penjagaan kesihatan untuk warga emas dan peluasan pembiayaan kesihatan. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang kepada kehidupan yang sihat, pembiayaan penjagaan kesihatan yang mampan dan rakyat yang lebih sejahtera. Peningkatan ini akan turut menyumbang ke arah mencapai matlamat untuk Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tempoh 10 tahun.

Strategi C1

Merancang Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi C2

Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan

Strategi C1: Merencanakan Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Mempertingkatkan Sistem Penjagaan Kesihatan

Program kesihatan awam akan ditambah baik untuk memastikan kesediaan negara dalam menangani krisis dan ancaman penjagaan kesihatan yang baru muncul. Dalam hubungan ini, perkhidmatan penjagaan kesihatan akan dilengkapi dengan fasiliti yang dinaik taraf, sistem maklumat bersepadu dan peralatan perubatan yang termaju. Usaha juga akan diteruskan untuk memperkukuh perkhidmatan kardiologi, termasuk penyediaan makmal jantung invasif di hospital awam. Selain itu, langkah akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan pergigian selari dengan Perlindungan Kesihatan Sejagat untuk Kesihatan Pergigian WHO (WHA74.5), melalui peluasan perkhidmatan kepada guru, kakitangan sekolah dan ahli keluarga. Di samping itu, 250 sekolah akan dibantu untuk memenuhi kriteria Program Pemasarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah. Institut kesihatan mental kebangsaan akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar penjagaan kesihatan bagi menangani isu kesihatan mental di seluruh negara.

Pendigitalan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Sistem keselamatan makanan negara fasa 2.0 akan dibangunkan untuk meningkatkan sistem maklumat sedia ada melalui pengintegrasian data. Usaha ini akan menambah baik pemantauan dan pengauditan keselamatan makanan. Pelaksanaan Rekod Perubatan Elektronik di hospital dan klinik kesihatan juga akan diperluas ke seluruh negara bagi memastikan perkongsian rekod perubatan yang lancar. Pelan tindakan untuk pemindahan data *Malaysian Health Data Warehouse* ke MyGOVCloud akan dibangunkan bagi membolehkan perkongsian data merentasi agensi kerajaan. Sistem pendaftaran MyCHAMPION akan dinaik taraf untuk memastikan penyusunan kandungan dan aktiviti sukarelawan kesihatan yang lebih baik dalam memberi kesedaran tentang NCD.

Memperkukuh Program Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas

Usaha akan dilaksana untuk mengintegrasikan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas di antara klinik kesihatan dan hospital bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik sebagai persediaan untuk Malaysia menjadi negara tua. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga

Emas Swasta 2018 [Akta 802] akan dikuat kuasa bagi memastikan pematuhan kepada keperluan keselamatan dan standard. Di samping itu, pusat penjagaan geriatrik baharu akan ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan jangka panjang bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas.

Strategi C2: Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan

Memperkukuh Perlindungan Kesihatan dan Pembiayaan Penjagaan Kesihatan

Liputan perlindungan kesihatan untuk kumpulan sasar akan diperluas melalui pelaksanaan Skim Perubatan MADANI. Inisiatif di bawah Anjakan Besar penjagaan kesihatan ini akan memenuhi keperluan pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, seterusnya dapat mengurangkan kesesakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam. Selain itu, model baharu untuk membiayai fasiliti kesihatan akan diteroka untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam memastikan tiada sesiapa yang tertinggal. Pelaburan yang lebih besar dalam membangunkan dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan juga akan digalakkan.

Sewaan Peralatan Perubatan

Usaha akan dilaksana untuk memastikan ketersediaan peralatan perubatan terbaik kepada rakyat melalui opsyen sewaan. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Anjakan Besar kesihatan yang akan menangani isu kos perolehan, penyelenggaraan dan penggantian peralatan perubatan yang tinggi berikutan kemajuan teknologi yang pesat. Opsyen pembiayaan baharu ini akan menyediakan fleksibiliti kewangan yang lebih baik bagi memperoleh peralatan perubatan dengan teknologi terkini untuk manfaat rakyat.

Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Kerajaan akan terus memainkan peranan strategik bagi menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dan berkualiti. Selaras dengan pembangunan inklusif, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti, meningkatkan tadbir

urus serta menyediakan perumahan mampu milik yang inklusif. Langkah ini akan menyumbang kepada penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, sebagai sebahagian usaha bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Strategi D1

Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Strategi D2

Meningkatkan Tadbir Urus

Strategi D3

Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif

Strategi D1: Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Mempercepat Peralihan Konsep daripada Pemilikan kepada Tempat Tinggal

Program perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan berpandukan konsep tempat tinggal sebagai keperluan asas dan hak asasi manusia berbanding konsep pemilikan. Peralihan ini adalah untuk menyokong Anjakan Besar Perumahan untuk Rakyat. Dalam hubungan ini, sektor awam dan swasta akan memainkan peranan penting melalui penglibatan secara aktif untuk menyediakan perumahan yang selamat, terjamin dan mampu bayar. Di bawah konsep ini, tumpuan akan beralih daripada penyediaan rumah untuk dijual kepada penyediaan rumah untuk disewa. Di bawah Anjakan Besar ini juga, peranan dan fungsi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan diselaras untuk menyokong peralihan tersebut.



Menambah Rumah Mampu Milik

Peraturan untuk menghadkan pembelian hanya satu rumah mampu milik bagi setiap warganegara yang layak akan dikuat kuasa dalam usaha untuk memastikan bekalan rumah mampu milik yang mencukupi. Dalam hubungan ini, pangkalan data perumahan akan dibangunkan bagi membolehkan saringan silang maklumat pemilikan dengan agensi berkaitan yang lebih tepat dibuat untuk menentukan kelayakan pemilikan. Selain itu, sistem maklumat inventori tanah yang mengintegrasikan semua maklumat tanah wakaf akan diwujudkan bagi mengenal pasti tanah yang bersesuaian untuk pembinaan lebih banyak rumah mampu milik. Di samping itu, kerjasama majlis agama negeri dan agensi berkaitan akan mempercepat pembangunan rumah mampu milik di atas tanah wakaf.

Peraturan berkaitan dasar pemisah untuk perumahan awam akan dikuat kuasa dengan menyediakan garis panduan dan prosedur untuk penyewa yang melebihi kelayakan berpindah ke perumahan pilihan yang bersesuaian. Di samping itu, tempoh moratorium 10 tahun ke atas penjualan semula rumah akan diperluas kepada semua perumahan awam. Selain itu, kajian menyeluruh akan dijalankan bagi mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk mengawal bekalan rumah mampu milik melalui pasaran sekunder. Pembangunan pelan tindakan perumahan negara bagi mengenal pasti keperluan sebenar perumahan akan memudah cara penyediaan perumahan yang bersesuaian.

Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan Rumah

Kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan dalam menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Peluasan program RTO yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar perumahan akan dilaksana bagi mempelbagaikan kaedah pembiayaan perumahan. Program ini akan membolehkan kumpulan sasar menyewa dengan pilihan untuk membeli rumah dalam tempoh penyewaan yang ditetapkan. Pembeli rumah kali pertama akan dilengkapkan dengan pengetahuan kewangan yang diperlukan untuk memiliki rumah melalui modul pendidikan kewangan dalam talian di Portal Rumahku oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Selain itu, kajian penubuhan tabung perumahan mampu milik akan dilaksana bagi menyediakan pilihan pembiayaan perumahan. Kajian ini akan mencadangkan struktur tadbir urus, mekanisme dan sumber dana. Di samping itu, kajian yang komprehensif akan dilaksana untuk mempertingkatkan pembangunan industri perumahan.

Menguruskan Kos Pembinaan Perumahan

Garis panduan akan disediakan untuk menilai dan menyeragamkan caj premium tanah dan kos pematuhan bagi mempercepat kelulusan kebenaran merancang pembinaan perumahan mampu milik. Di samping itu, pakej insentif untuk pemaju yang memperoleh markah lebih daripada 70% dalam Sistem Penilaian Kualiti bagi Kerja Pembinaan Bangunan akan dikenal pasti. Pelan standard prakelulusan (PAP) yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan diterima pakai sebagai reka bentuk standard bagi mempercepat kelulusan pelan bangunan oleh pihak berkuasa tempatan, seterusnya membolehkan pembinaan rumah mampu milik yang lebih pantas dan cekap. Di samping itu, modul latihan akan dibangunkan dengan kerjasama institusi latihan vokasional dan persatuan industri untuk melengkapkan pekerja binaan dengan kemahiran yang diperlukan dalam penggunaan kaedah IBS.

Strategi D2: Meningkatkan Tadbir Urus

Memperkuh Peraturan dan Perundangan untuk Pembeli Rumah dan Penyewa

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] akan dipinda bagi merangkumi pembangunan kediaman di tanah komersial seperti pangsapuri perkhidmatan, *small office and home office*, dan *small office virtual office* untuk melindungi pembeli rumah. Selain itu, akta baharu mengenai penyewaan akan diperkenalkan untuk menggalakkan penyewaan sebagai

alternatif kepada pemilikan rumah. Pengenalan akta ini akan menawarkan pilihan yang lebih fleksibel serta kos permulaan dan risiko kewangan yang lebih rendah kepada pemilik rumah dan penyewa.

Menambah Baik Pengurusan Perumahan Strata

Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] akan dipinda untuk memperkuh fungsi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC). Pindaan ini akan merangkumi peraturan yang menetapkan supaya kediaman strata diuruskan oleh pengurus harta tanah percubaan yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta. Pindaan ini akan mempertingkatkan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan serta menggalakkan tadbir urus yang baik. Di samping itu, program latihan mengenai tadbir urus yang baik dan pengurusan konflik kepentingan untuk JMB dan MC akan dijalankan bagi memastikan pengurusan kediaman strata yang cekap dan bertanggungjawab.

Strategi D3: Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif

Meneroka Potensi Perkampungan Persaraan

Potensi membangunkan perkampungan persaraan akan diteroka bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan menambah baik kualiti hidup pesara. Dalam hubungan ini, kajian mengenai permintaan dan penawaran perkampungan persaraan di bandar utama akan dijalankan. Kajian ini akan menyediakan cadangan dasar, termasuk rangka kerja kawal selia yang menetapkan standard dan model perniagaan yang mampan untuk memudah cara pembangunan perkampungan persaraan.

Mewujudkan Komuniti yang Bersepadu

Kerajaan akan mempergiat usaha untuk mewujudkan komuniti yang lebih bersepadu selaras dengan hasrat penyediaan perumahan untuk semua. Garis panduan perancangan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih seimbang dan inklusif akan disediakan bagi memastikan individu yang mempunyai tahap pendapatan yang berbeza boleh mendiami kawasan kejiranan yang sama. Pelaksanaan garis panduan ini akan mengelakkan kesan sampingan gentrifikasi akibat pembangunan pesat dan kenaikan harga hartanah. Di samping itu, projek Perumahan Inklusif MADANI akan dibangunkan di kawasan bandar utama melalui pendekatan kerjasama awam swasta. Projek ini akan menerima pakai pendekatan pengaturan tempat tinggal secara bersama yang menghimpunkan pelbagai kumpulan sasar, seperti warga emas,

belia dan keluarga muda untuk menggalakkan perumahan yang inklusif dan mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya huni.

Bidang Fokus E: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif

Usaha akan diteruskan untuk memanfaatkan sukan bagi membina masyarakat yang aktif. Strategi akan dilaksana bagi mengaktifkan semula aktiviti sukan untuk kehidupan aktif dan sihat, meningkatkan kecemerlangan sukan dan membangunkan industri sukan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu. Strategi ini akan menggalakkan budaya sukan dan menambah baik penampilan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Strategi E1

Mengaktifkan Semula Aktiviti Sukan untuk
Kehidupan Aktif dan Sihat

Strategi E2

Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Strategi E3

Membangunkan Industri Sukan

Strategi E1: Mengaktifkan Semula Aktiviti Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

Meningkatkan Penyertaan Inklusif dalam Sukan

Langkah untuk meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, program sukan pada peringkat akar umbi akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran mengenai gaya hidup aktif dan penyertaan dalam sukan secara inklusif. Selain itu, penggunaan sistem e-MYind akan diperluas kepada pelbagai agensi kerajaan sebagai platform pengumpulan data aktiviti sukan massa yang dianjurkan oleh agensi berkaitan. Data ini akan memberikan maklumat penting dalam meningkatkan perancangan untuk penyertaan yang inklusif dalam program sukan massa.

Meningkatkan Akses kepada Kemudahan Sukan

Akses kepada kemudahan sukan di sekolah, IPT dan institusi latihan awam akan diperluas kepada rakyat. Dalam hubungan ini, SOP yang komprehensif akan disediakan sebagai garis panduan kepada pentadbir bagi memudah cara penggunaan kemudahan tersebut. Selain itu, kesedaran orang ramai akan dipertingkatkan untuk memikul tanggungjawab bersama dalam menyelenggara kemudahan tersebut.

Strategi E2: Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Memperkuh Tadbir Urus Sukan Berprestasi Tinggi

PSK akan digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan dengan berfungsi sebagai perusahaan sosial sukan. Dalam hubungan ini, PSK akan lebih berdaya maju dalam menjana pendapatan dan mampu mengukuhkan hubungan dengan komuniti serta mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan Kerajaan. PSK akan meningkatkan profesionalisme pengurusan, yang seterusnya menggalakkan lebih banyak penajaan. Sumber kewangan alternatif, termasuk tajaan korporat akan diteroka untuk meningkatkan dana pembangunan sukan. Insentif cukai berkaitan sukan akan disemak semula untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dan komuniti dalam pembangunan sukan, seperti menaja acara sukan dan menyediakan pekerjaan kepada bekas atlet. Selain itu, pelan bakat sukan negara akan dirangka sebagai garis panduan kepada pihak berkepentingan bagi melaksanakan pembangunan bakat sukan yang sistematik dan mampan.

Meningkatkan Prestasi Atlet

Usaha untuk merealisasikan pingat emas pertama Malaysia dalam Sukan Olimpik akan dipergiat lagi. Dalam hubungan ini, rangka kerja jangka panjang merangkumi Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 akan dibangunkan oleh pasukan projek *Road to Gold*. Rangka kerja ini akan meliputi latihan, pendedahan kepada pertandingan domestik dan antarabangsa serta penyediaan perkhidmatan kejurulatihan, dan perkhidmatan sains dan perubatan sukan. Usaha bersepadu akan dilaksana untuk membangunkan atlet pada semua peringkat dalam sukan yang menawarkan banyak pingat seperti olahraga, renang dan bela diri. Usaha ini dijangka akan menambah baik pencapaian Malaysia dalam temasya sukan utama.

Meningkatkan Perkhidmatan Sokongan untuk Sukan

Jurulatih tempatan akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti atlet. Dalam hubungan ini, struktur kelayakan, skim, pemantauan dan penilaian akan dipertingkatkan untuk menarik dan mengekalkan jurulatih berkualiti terbaik. Program pembangunan keupayaan akan dilaksana untuk menyediakan peluang kepada belia menceburi profesion sukan seperti jurulatih, pelatih peribadi dan pegawai teknikal. Perkhidmatan Pusat Perubatan Sukan Negara akan diperluas ke peringkat antarabangsa untuk menjana lebih banyak pendapatan bagi meningkatkan keupayaan pusat ini dalam menyediakan lebih banyak perkhidmatan sokongan. Pusat satelit sains dan perubatan sukan akan ditubuhkan dengan kerjasama rakan strategik bagi memperluas perkhidmatan serta meningkatkan pemahaman mengenai ilmu sains dan perubatan sukan kepada atlet, terutama pada peringkat awal pembangunan. Dalam hubungan ini, penilaian akan dijalankan bagi mengukur keupayaan dan kapasiti rakan strategik sebagai prasyarat untuk menubuhkan pusat satelit ini.



Strategi E3: Membangunkan Industri Sukan

Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri Sukan

Pusat Kecemerlangan Industri Sukan akan ditubuhkan dengan kerjasama IPT terpilih untuk membangunkan industri sukan. Pusat ini akan bertindak sebagai pusat rujukan dalam menyediakan pengetahuan dan menjalankan penyelidikan dalam pelbagai segmen industri sukan. Pusat ini juga akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam mengenal pasti idea, pengetahuan dan inovasi baharu berkaitan sukan.

Menambah Baik Pangkalan Data Industri Sukan

Pangkalan data berpusat mengenai industri sukan akan diwujudkan untuk memudah cara proses membuat keputusan berasaskan maklumat dalam memajukan pembangunan industri ini. Pangkalan data ini akan menyediakan maklumat seperti produk sukan, pekerjaan dan perbelanjaan pengguna. Usaha ini akan membolehkan perancangan yang lebih baik dalam membangunkan industri sukan.

Mempertingkatkan Rantaian Nilai Industri Sukan

Langkah untuk memperluas rantaian nilai industri sukan seperti pengeluaran produk, perkhidmatan pengurusan acara, kewartawanan dan penyiaran serta kejurulatihan sukan akan dipergiat dengan mengoptimumkan potensi industri ini. Dalam hubungan ini, liga sukan profesional akan diperluas kepada pelbagai jenis sukan. Usaha ini akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, seperti jurulatih, personel perubatan dan pengulas sukan serta peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkukuh perpaduan negara, mengekalkan kestabilan negara, menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik dan menggalakkan kehidupan aktif. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran masih terus dihadapi dan perlu ditangani dengan berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan diambil untuk terus memperkukuh perpaduan, serta memastikan keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara. Di samping itu, keutamaan juga akan diberikan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan berkualiti untuk rakyat. Sukan akan terus dimanfaatkan untuk membina negara yang aktif dan sihat. Usaha ini menzahirkan dedikasi dan komitmen Kerajaan yang berterusan dalam meningkatkan darjat hidup rakyat.



Bab

